

Taklimat Teknik Menjawab Soalan Pendidikan Moral SPM

Format Kertas Pendidikan Moral SPM (1225/1)

Bahagian	Jenis Soalan	Jenis Jawapan	Jumlah Markah	Peruntukan Masa
A	8 Soalan Struktur	Nilai / Huraian / kesan / langkah / sebab / cara / faktor / perasaan / tindakan keputusan dan sebagainya	80 markah (setiap soalan struktur diperuntukan 10 markah)	80 minit (setiap soalan 10 minit)
B	3 Soalan Esei (Jawab 2 soalan)	Nilai / Huraian / pengajaran / keputusan / alasan / tindakan dan sebagainya	20 markah	40 minit (setiap soalan 20 minit)
Jumlah			100 markah	150 minit (2 ½jam)

- 30 minit yang lebih digunakan untuk pembacaan soalan pada permulaan peperiksaan, menyenaraikan nilai, semakan terakhir dan menggariskan nilai-nilai yang telah ditulis.

- Nilai (N) : 36 nilai dari 7 bidang
- Huraian (H) : Huraian lanjut kepada situasi / Contoh (C) yang berkaitan dengan situasi
- Tindakan (J) : Tindakan / keputusan / perasaan

Cara Pemeriksa Menyemak kertas Pendidikan Moral SPM 1225/1

Simbol	Maksud Simbol
N ~~~~~	Nilai betul
H ()	Huraian betul / jawapan betul
J ()	Tindakan yang betul / keputusan yang betul / perasaan yang betul
Max N ~~~~~	Nilai masikma, tiada markah
Max H ()	Huraian maksima / jawapan masikma, tiada markah
UN ~~~~~	Ulang nilai, tiada markah
UH ()	Ulang Huraian / jawapan, tiada markah
UJ ()	Ulang tindakan / keputusan / perasaan
ll TB	Dua garisan selari dengan perkataan TB – keluar tajuk, tidak berkaitan, tiada markah.

Bahagian A (8 soalan struktur – 80%) 短文作答

1. Bahagian ini terdiri dari 8 soalan struktur dan diperuntukkan 10 markah untuk setiap soalan struktur.这个部分共有 8 题短文题目。
2. Calon mesti membaca setiap soalan dengan teliti untuk mengetahui kehendak soalan dan juga markah yang diperuntukkan.同学们必须小心阅读题目并留意分数。

- 3 Terdapat 2 bentuk soalan yang berkaitan dengan nilai.
- Permintaan NILAI di AWAL soalan** (从一开始就提问道德价值观)
 - Permintaan NILAI di AKHIR soalan** (在最后才提问道德价值观)
- 4 Contoh soalan struktur yang **berkaitan dengan NILAI**. (Jawapan calon mesti nilai, huraian. Kadang-kala pelajar perlu menyatakan tindakan / keputusan / perasaan.)

Contoh Soalan Permintaan NILAI di AWAL Soalan (从一开始就提问道德价值观)

- a. Nyatakan / Berikan / Catatkan **Dua** nilai yang diamalkan oleh ayah. (2m)

Jawapan = N + N

Jawapan : **Nilai bertanggungjawab**
Nilai rasional

**** Terima NILAI mengikut markah yang diperuntukkan. (minta 2 nilai, tulis 2 nilai; minta 3 nilai, tulis 3 nilai)** 直接写出对的道德价值观，要求 2 个，就写出 2 个。可以多写几个对的答案。

- b. Huraikan / Jelaskan / Terangkan **DUA** nilai yang diamalkan oleh ayah. (4m)

Jawapan = N + H

N + H

Jawapan :

- Nilai bertanggungjawab**. Ayah telah menjaga anak dengan sempurna.
- Nilai rasional**. Ayah telah mendidik anaknya cara menangani masalah.

****nyatakan NILAI, buat huraian ikut markah yang diperuntukkan.**

Contoh Soalan Permintaan NILAI di AKHIR soalan (在题目最后才提问道德价值观)

- c. Setujukah anda dengan pernyataan “ayah patut membantu anak menyelesaikan masalah yang dihadapi.”

Berikan pandangan anda secara terperinci berdasarkan **nilai-nilai murni** yang telah anda pelajari. (4m)

Jawapan : T + N + 2H 决定 + 道德价值观 + 2 个解说 (有时候需要更多的解说)

Jawapan :

Setuju. **Nilai bertanggungjawab**. Ayah patut menolong anak semasa anak menghadapi masalah. Ayah sebagai ketua keluarga harus membimbing anak.

ATAU

Tidak setuju. **Nilai berdikari**. Anak patut boleh menyelesaikan masalah dengan sendiri. Anak harus **tidak bergantung** kepada ayah untuk membantunya.

同学们可以赞成 (**setuju**) 或是不赞成 (**tidak setuju**)

****HANYA terima 1 NILAI SAHAJA !!!** 只接受一个道德价值观而已!!!
Nyatakan keputusan, nyatakan NILAI (1 sahaja), buat huraian ikut markah yang diperuntukkan. 先写出你的决定，写出道德价值观 (1 个)，做出 2 句解释。

d. Soalan yang menanya tentang **definisi / maksud nilai**. (道德价值观的意思/解释)

(i) **Berikan maksud nilai** harga diri. (2m) 这里必须跟着道德价值观的意思 (看道德价值观的笔记)

Jawapan : Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu **memulia dan menjaga maruah diri** dalam kehidupan.

(ii) **Berikan maksud nilai harga diri berdasarkan situasi** (跟着情况) di atas. (2m)

这里必须变通, 不能完全用道德价值观的笔记来作答. 必须跟着情况作答.

Jawapan : Remaja mampu menjaga imej diri dengan tidak terlibat dalam kes buli.

5. **Ini bermakna NILAI adalah penting** 道德价值观是非常重要的

a. NILAI mesti tepat dan betul

b. Ejaan NILAI mesti betul

[Contoh : Toleransi (✓) / Tolarensi (X) / Tolenrasi (X)]

c. Tidak boleh tambah dan gugur imbuhan kepada NILAI

[Contoh : Toleransi (✓) / Bertoleransi (X) /

Bertanggungjawab (✓) / Tanggungjawab (X)]

d. Tidak boleh guna singkatan dalam NILAI

[Contoh : mematuhi peraturan dan undang-undang (✓)

mematuhi peraturan & undang2 (X)

kasih sayang terhadap keluarga (✓)

kasih sayang thdp keluarga (X)

e. Mesti hafal NILAI (一定要把道德价值观背好)

6. Contoh soalan struktur yang berkaitan dengan **isi kandungan akademik / isu-isu semasa** (时事) / **pengetahuan am** (常识) :

a. **Apa** 什么 / **kenapa** / **mengapa** 为什么 / **bagaimana** 怎么样 / 如何?

b. Berikan kesan / langkah / akibat / cara / sebab / tindakan / faktor / akta / rancangan.....

Jawapan : **TIDAK perlu nilai**, 不需要用道德价值观 (**tidak boleh guna nilai**) tapi perlu nyatakan kesan / langkah / ...mengikut kehendak soalan. Kadang-kala, calon juga harus memberikan huraian kepada jawapan yang dinyatakan.

****Jawapan calon dalam bentuk memberikan kesan / langkah / akibat / cara / sebab / tindakan / faktor / akta / rancangan yang memenuhi kehendak soalan.**

Berikan maksud rasuah ? @ Apa itu rasuah ?

Jawapan : Rasuah ialah perbuatan memberi dan menerima hadiah / wang bagi mengelakkan seseorang dari kesalahan yang telah dilakukan.

Contoh 1 : **Ramalkan** 预测 **DUA** kesan pencemaran alam sekitar pada tahun 2030. (2m)

Jawapan : (i) **Kepupusan flora dan fauna**

(ii) **Banjir**

(iii) **Tanah runtuh**

(iv) **Jerebu**

(v) **Penyakit asma / kulit**


Jawapan : 2 kesan. Calon boleh tulis lebih dari 2 kesan. 同学们可以写超过 2 个答案。

Contoh 2 : Anak-anak muda Taman Kinrara melibatkan diri dalam budaya lepak. **Jelaskan** aktiviti yang boleh dilakukan untuk membanteras budaya Lepak. (4m)

- Jawapan :
- (i) **menyertai Program Rakan Muda.** Mereka dapat menggunakan masa lapang mereka dengan membina jana diri dalam program Rakan Muda.
 - (ii) **menyertai kem motivasi.** Dengan ini mereka akan menjadi lebih yakin dan tidak membuang masa lapang mereka dengan melepak.
 - (iii) **menyertai aktiviti sukan.** Masa lapang digunakan untuk membina tubuh badan yang cergas dan sihat.
 - (iv) **menyertai program keagamaan.** Mereka dapat menumpukan perhatian kepada aktiviti keagamaan dan ketuhanan.
 - (v) **melakukan aktiviti yang berkaitan dengan akademik.** Mereka boleh menggunakan masa lapang dengan membaca, pergi ke perpustakaan. (m/s. 63; T.5)

Jawapan : 2 aktiviti + 2 huraian (4 分=2 个活动 + 2 个解释)

Contoh 3 : Soalan berdasarkan gambar 看图作答



- Jawapan : Berdasarkan gambar di atas, namakan **dua** binaan yang dibina zaman silam. (2m)
- i. **Piramid mesir** 埃及金字塔
 - ii. **Tembok besar China** 中国万里长城
 - iii. **Colosseum di Rom** 罗马竞技场



- Jawapan : Gambar menunjukkan antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia.
Namakan **dua** tokoh tersebut. (2m)
- i. **Tun V.T. Sambanthan**
 - ii. **Tunku Abdul Rahman**
 - iii. **Tun Tan Cheng Lock**
 - iv. **Dato Onn Bin Jaafar**

Contoh 4 : Soalan berdasarkan graf, pai dan jadual

Berikut adalah profil penagih dadah mengikut umur dan jenis kes di Malaysia pada tahun 2005.

Umur	Kes		Jumlah
	Baru	Berulang	
Bawah 13	1802	1310	3112
13-19	2306	3224	5530
20-29	6513	7528	14041
30-39	2105	2969	5074
Atas 40	656	1113	1769
Tiada Maklumat	2007	1275	3282
Jumlah	15389	17419	32808

(Diubahsuaikan daripada AADK, <http://www.pemadam.org>)

Jawapan : Berdasarkan maklumat yang diberi dalam jadual, **kenapa** jumlah penagih dadah berulang adalah lebih ramai daripada penagih dadah baru ? (3m)

- i. **Kerana mereka sudah terjebak dan susah mahu berubah** 难以自拔
- ii. **Terlalu tekanan** 压力太大
- iii. **Pengaruh rakan sebaya** 朋友影响
- iv. **Mereka tidak diterima oleh masyarakat** 不被社会接受

7. Ini bermakna isi kandungan akademik adalah penting, soalan akan disoal dari mana-mana topik isi kandungan akademik. Jadi calon dinasihat untuk **mengenalpastikan isu / bidang yang disoalkan**. Dengan itu, adalah lebih senang bagi calon mendapat jawapan nilai dengan lebih tepat. (Terdapat 7 bidang & 36 nilai)
8. Pelajar juga perlu **menguasai pengetahuan am dan isu-isu semasa** serta **rajin membaca surat khabar untuk menguasai ilmu pengetahuan tambahan**. (同学们必须勤劳阅读报章以增加常识)
9. Contoh soalan yang memerlukan pelajar **membuat keputusan / menyatakan perasaan dan memberikan alasan** kepada jawapan yang dinyatakan. 同学们必须做决定, 写出感受及原因, 为何做出此项决定及为何有此感受。

Contoh 5 : Adakah tindakan memburu haiwan itu wajar ? Berikan alasan anda. (3m)

Jawapan : **Tidak wajar. Haiwan kepupusan. Manusia tidak berperikemanusiaan.**

Contoh 6 : Sekumpulan pekerja telah menunjukkan perasaan di depan syarikat untuk menuntut gaji mereka.
Setujukah anda dengan tindakan sekumpulan pekerja tersebut ? kenapa ? (3m)

Jawapan : **Tidak setuju. Kerana boleh menjejaskan hubungan baik majikan dengan**

Pilihan 1 : **pekerja. Mereka boleh duduk dan berbincang untuk menyelesaikan masalah.**

ATAU

Pilihan 2 : **Setuju. Kerana majikan tidak bayar gaji. Pekerja menuntut hak mereka.**

Contoh 7 : Apakah perasaan anda apabila mendengar berita penderaan kanak-kanak tersebut ?
Beri dua alasan. (3m)

Jawapan : **Sedih. kanak-kanak mesti disayang. Kanak-kanak ialah anugerah Tuhan.**

10. Bagi soalan jenis membuat keputusan / menyatakan perasaan, **calon mesti menyatakan keputusan / perasaan dahulu, baru memberi alasan**. 同学们一定得先写出决定/感受, 过后才写出原因。
11. **Soalan meminta pelajar membuat rumusan / kesimpulan.** 题目要求学生做出结论

Contoh 8 : Buat rumusan / kesimpulan dari maklumat yang diberi di atas. (1m)

Jawapan : Mesti ada **watak + tindakan + kesan** 一定要有主角 + 行动 + 后果

Kita harus taat setia kepada negara agar negara kita aman dan damai.

Ibu bapa harus menyayangi anak-anak agar mereka boleh hidup dengan bahagia

Bahagian B (3 soalan esei; JAWAB 2 sahaja – 20%) 作文

1. Calon dinasihatkan membaca ketiga-tiga soalan esei.
2. Terdapat 3 bentuk soalan esei.

(i) **Esei tanya tentang NILAI** 作文直接提问道德价值观

Jika esei tanya tentang nilai, semasa membaca, catatkan nilai yang bersesuaian untuk soalan tersebut. Calon boleh nyatakan 2-3 nilai dan menghuraikan 7-8 ayat huraian untuk dapat 10 markah.

Jawapan calon ialah **3 nilai + 7 huraian / 2 nilai + 8 huraian**. 3个道德价值观+7句解释

Calon digalakkan menulis huraian lebih dari 10 ayat. Calon boleh tulis seberapa banyak huraian. 同学们可以写出超过 10 句的句子。能够写出多少就写！只要是相关的句子就会得到分数。

(ii) **Esei TIDAK tanya tentang NILAI tetapi tanya tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran, pendapat.....** 作文没有提问道德价值观。作文提问关于方法，重要性，教训，意见等等。。。。

- Calon harus menerangkan tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran serta pendapat dan membuat huraian lanjut untuk idea / isi utama yang telah dinyatakan.
- **Jawapan calon ialah 2-3 idea utama dan menghuraikan 7-8 ayat huraian** untuk dapat 10 markah. 写出 2-3 个答案并加以解释 7-8 句句子。
- Calon boleh berikan jawapan lebih dari 10 ayat. **Calon boleh tulis seberapa banyak idea dan huraian.** 可以写越多句子越好，但是必须是跟题目相关的。
- Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian. Maksima terima 3 nilai. 同学们也可以加入适合的道德价值观。最多可以接受 3 个道德价值观。

(iii) **Esei membuat keputusan** 做决定的作文

- Jika soalan minta calon **membuat keputusan** dan **minta alasan bagi keputusan** yang dibuat, maka calon **mesti menjawab / menyatakan keputusan dahulu, baru berikan alasan.** 一定要先做决定，过后才给答案；为何你做这样的决定。
- Setiap alasan mesti disertai dengan 2 huraian. **1 keputusan + 3 alasan + 6 huraian = 10 markah.** 1 个决定 + 3 个原因 + 6 个解释 = 10 分
- Calon boleh beri jawapan lebihan. **Calon boleh tulis seberapa banyak idea dan huraian.** 同学们可以写出越多的解释越好，可以超过 10 句句子。必须是相关的！
- Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian. Maksima terima 3 nilai. 同学们也可以加入适合的道德价值观。最多可以接受 3 个道德价值观。

3. Kemudian pilih 2 soalan esei yang calon paling yakin menjawab. **INGAT ! JAWAB 2 Soalan sahaja !!**
4. Jika calon jawab ketiga-tiga soalan, maka pemeriksa MUNGKIN hanya menyemak jawapan kepada SOALAN 1 dan SOALAN 2 sahaja. Akhirnya, calon akan rugi sendiri !

5. Semasa menjawab soalan esei, **INGAT** :
- JANGAN** senaraikan nilai (tiada markah)
 - TIDAK** perlu tulis pendahuluan dan penutup, terus menjawab kepada soalan
 - Jawapan esei yang berkaitan dengan NILAI ditulis dalam SATU perenggan sahaja**
 - Jika soalan esei bentuk BUKAN NILAI, jawab macam karangan Bahasa Melayu dengan mengemukakan jawapan yang logik dan bermoral.**
 - Calon boleh guna NILAI jika nilai tersebut sesuai digunakan sebagai jawapan.**
 - Maksima hanya terima 3 NILAI sahaja. Tulis nilai yang anda rasa paling tepat dahulu.**
先写出你认为最对的 3 个道德价值观。
 - Ayat huraian yang sama tidak boleh diulang-ulang kerana calon tidak akan dapat markah.
同样意思的句子将不会得到任何分数。

Tips Menjawab Soalan Moral SPM Dengan Penuh Keyakinan

- **Sebelum Peperiksaan 考试前**
 - Hafal semua nilai dengan setepatnya.**背好所有的道德价值观
 - Membaca buku teks Moral tingkatan 4 & 5.读完中四及中五的道德课本
 - membaca surat khabar dan menguasai ilmu pengetahuan am.阅读报章以增加常识及知识
 - Membuat latihan yang secukupnya.做足够的练习
 - Ingat pesanan guru-guru Moral.记得道德老师的教导
- **Semasa Peperiksaan 考试时**
 - Senarikan 36 nilai bagi 7 bidang.先写出 36 个道德价值观
 - Baca semua soalan dengan teliti.好好地阅读题目
 - Mengenalpastikan kehendak soalan dan lihat kepada peruntukan markah.找出题目的重点/需求
 - Mengenalpastikan soalan meminta jawapan dalam bentuk nilai atau soalan pengetahuan am / isi kandungan akademik / isu semasa atau soalan yang memerlukan pelajar membuat keputusan.看看题目要求什么

5. Untuk soalan di bahagian A, soalan struktur;短文作答

 - ◆ **Jika soalan tanya NILAI, jawab NILAI.**如果题目问道德价值观, 就用道德价值观来作答
 - ◆ **Jika soalan pengetahuan am / isi kandungan akademik / isu semasa, JANGAN guna nilai sebagai jawapan.**如果是常识问题, **请不要用**道德价值观来作答。
 - ◆ **Jika soalan meminta pelajar membuat keputusan / menyatakan perasaan, sila nyatakan keputusan / perasaan dahulu, baru memberi alasan kenapa anda bertindak sedemikian.**
 - Sambil membaca soalan, catatkan nilai yang bersesuaian dengan kehendak soalan.
 - Jika tidak tahu menjawab sesuatu soalan, tinggalkan soalan tersebut dan teruskan kepada soalan lain. Bila sudah siap semua jawapan, baru balik kepada soalan yang susah tadi.
 - Sentiasa melihat kepada edaran masa, ingat, setiap soalan struktur mengambil masa 10 minit sahaja.
 - Tulis **beberapa jawapan tambahan** kepada setiap soalan. 每一题, 请多写几个你认为对的答案
 - Untuk soalan di bahagian B, soalan esei; 作文的题目,
 - ◆ **Kalau soalan tanya tentang NILAI, MESTI jawab NILAI**
如果题目问道德价值观, 就用道德价值观来作答。
 - ◆ **Kalau soalan tidak tanya tentang NILAI, masukkan NILAI yang bersesuaian.**
如果题目**没有问**道德价值观, 也请你用适合的道德价值观来作答。
 - 最多可以写 5 个道德价值观, 把最对的 3 个写在最前面

11. Menjawab dengan penuh keyakinan.
12. Sentiasa ingat kembali pesanan guru-guru Moral anda.

▪ **Selepas Peperiksaan 考试后**

1. Membaca semula jawapan yang ditulis dan **gariskan nilai** yang dituliskan di **bahagian ESEI** dengan menggunakan pembaris jika anda menulis nilai sebagai jawapan.
2. Membuat semakan terakhir.
3. Doakan supaya lulus dengan cemerlang !

**Insan yang bermoral adalah seorang yang mempunyai
pemikiran, pertuturan dan perlakuan yang
positif, rasional dan logikal
dari segi teori dan amalannya**

Contoh soalan struktur

Pemandu yang melakukan kesalahan jalan raya telah cuba memberi sogokan kepada anggota polis trafik.

1. (a) Jika anda ialah anggota polis trafik tersebut, nyatakan **tindakan** yang perlu diambil oleh anda. [1m]

Saya akan menolak tawaran wang rasuah / sogokan yang diberikan / tidak akan mengambil duit kopi-o itu.

HOTs

- (b) Huraikan **tiga** nilai yang diamalkan oleh anda berkaitan dengan tindakan anda di atas. [6m]
- (i) **Nilai mematuhi peraturan dan undang-undang.** Saya **mematuhi undang-undang** negara dengan tidak menerima rasuah.
- (ii) **Nilai rasional.** Saya **boleh berfikir** kesan rasuah dengan **menolak sogokan yang diberi.**
- (iii) **Nilai harga diri.** Saya harus **menjaga imej diri** kerana rasuah boleh menjejaskan imej saya.
- (iv) **Nilai bertanggungjawab.** Saya **menjalankan tugas** saya dengan menjadi anggota polis yang amanah.
- (v) **Nilai amanah.** Saya **bersikap** jujur supaya dapat menimbulkan kepercayaan orang lain terhadap diri saya.
- (c) Pada pendapat anda, **mengapakah** kes rasuah sering berlaku ? [3m]
- (i) **Sikap tamak manusia / sikap materialistik / sikap kebendaan**
- (ii) **Kurang penghayatan ajaran / pegangan / didikan agama / moral**
- (iii) **Karenah birokrasi**
Sikap negatif masyarakat
Mempunyai peluang dan ruang
Kos hidup tinggi
Kelemahan penguatkuasaan undang-undang

Siew Ling ialah graduan perubatan Universiti Cambridge, England. Kos pembelajarannya ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walaupun menerima tawaran yang lebih menarik untuk bekerja di England, beliau tetap kembali dan bertugas di tanah air sendiri.

2. (a) Nyatakan **dua nilai** yang diamalkan oleh Siew Ling. [2m]
- (i) ♦ Nilai Cinta akan negara
 - (ii) ♦ Nilai Taat setia kepada raja dan negara
 - (iii) ♦ Nilai Sanggup berkorban untuk negara
 - ♦ Nilai Bertanggungjawab
 - ♦ Nilai Rasional
 - ♦ Nilai Penglibatan diri dalam pembangunan negara
- (b) Kawan Siew Ling, Ming Ming telah memilih untuk tidak balik ke Malaysia. Ming Ming telah memilih untuk berkhidmat di luar negara kerana dia ingin bekerja sambil melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan yang menggunakan teknologi canggih.

Setujukah anda dengan keputusan Ming Ming ? Kemukakan hujah anda dengan terperinci dengan berdasarkan nilai-nilai murni yang telah dipelajari oleh anda. [4m]

Setuju. Nilai rasional. Ming Ming boleh berfikir kebaikan belajar teknologi terkini di luar negara. Ming Ming boleh belajar lebih pengalaman hidup di luar negara.

ATAU

Tidak setuju. Cinta akan negara. Ming Ming harus mempunyai perasaan sayang kepada Malaysia dan balik memberi perkhidmatan kepada Malaysia. Ming Ming harus membalas jasa negara Malaysia kerana menghantar dia untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

- (c) **Pada pendapat anda**, apakah kebaikan bekerja di negara sendiri. [2m]

- (i) ♦ sentiasa bersama dengan ahli keluarga
- ♦ dapat berbakti kepada negara
- (ii) ♦ mengeratkan hubungan persahabatan



HOTs



HOTs

- (d) **Bagaimanakah** kerajaan dapat membawa balik warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara. [2m]

- ♦ menawarkan gaji yang lebih lumayan
- ♦ menjaga kebajikan pekerja
- ♦ menyediakan kemudahan penyelidikan
- ♦ memberi peluang naik pangkat
- ♦ menawarkan peluang pekerjaan yang banyak



HOTs



Pihak polis telah berjaya membanteras kes penyeludupan mercun dari negara jiran ke Malaysia.

3. (a) Berdasarkan gambar di atas, huraikan nilai yang patut diamalkan oleh mereka yang melakukan kegiatan penyeludupan. [4m]
- (i) Nilai mematuhi peraturan dan undang-undang. Mereka harus mematuhi undang-undang dan tahu melakukan penyeludupan adalah salah di sisi undang-undang.
 - (ii) Nilai rasional. Mereka harus boleh berfikir kesan mereka akan dipenjarakan jika mereka ditangkap oleh polis. Mereka patut memohon lesen yang sah untuk membawa masuk barangan dari negara jiran.
- (b) Selain mercun, namakan jenis barangan larangan di bawah Akta Pencegahan Penyeludupan. [3m]
- (i) ♦ Dadah
 - (ii) ♦ rokok
 - (iii) ♦ Ubat-ubatan
 - ♦ Bahan makanan
 - ♦ Senjata api
 - ♦ Bahan lucah
- * Manusia / bayi / wanita / binatang / tumbuh-tumbuhan tidak diterima kerana **bukan barangan**
- (c) Jika anda adalah seorang anggota kastam, cadangkan tindakan yang boleh diambil dalam menangani masalah penyeludupan. [2m]
- Saya akan membuat pemeriksaan di semua pintu masuk ke Malaysia. Saya akan menyekat semua lorong tikus supaya penyeludup tidak dapat masuk ke Malaysia.
 - Saya akan minta bantuan polis marin. Polis marin boleh buat rondaan di kawasan perairan Laut Cina Selatan dan Selat Melaka.
- (d) Namakan jabatan yang menguatkuasakan Akta Pencegahan Penyeludupan. [1m]
- ♦ Jabatan Kastam dan Imigresen
 - ♦ Jabatan Polis Marin

HOTs

- 4 Perbuahan di bawah berkaitan dengan sekumpulan pekerja merancang berpiket untuk menuntut hak mereka.

Pekerja A : Majikan sudah 3 bulan tidak bayar gaji kita.
 Pekerja B : Tak ada gaji, kita nak makan apa?
 Pekerja C : Mari kita berpiket bagi menuntut gaji kita.

- (a) **Setujukah anda** dengan tindakan sekumpulan pekerja tersebut ?
 Berikan **dua** alasan. [3m]



Saya setuju. Hal ini dapat mendedahkan kepada orang ramai tentang majikan menindas pekerja. Pekerja mempunyai hak untuk menuntut gaji mereka.

Skema Jawapan

	Butiran		Markah
3a	F1	Setuju	1
	H1	Mendedahkan kepada orang ramai tentang rungutan pekerja secara aman terhadap majikan	1
	H2	Berlaku penindasan terhadap pekerja	1
	H3	Berjuang untuk mendapat hak yang sepatutnya diperolehi / gaji	1
	H4	Termaktub di dalam akta kesatuan	1
	H5	Memberi kesedaran kepada majikan tentang memenuhi hak pekerja	1
	H6	Pekerja telah memberi banyak sumbangan kepada ekonomi negara	1
	ATAU		
	F2	Tidak setuju	1
	H7	Hubungan pekerja dengan majikan menjadi rengang / tidak harmoni	
	H8	Berbincang secara aman	1
	H9	Imej diri / syarikat terjejas	1
	H10	Boleh menyebabkan kerosakan harta benda awam / syarikat	1
	H11	Melantik wakil / meminta bantuan orang tengah	1

- (b) **Pada pendapat anda**, apakah kesan terhadap majikan jika piket tersebut berlarutan ? [3m]

- (i) **Operasi kilang tergendala / tutup kilang**
 (ii) **Mengalami kerugian / bankrap**
 (iii) **Produktiviti menurun**
Majikan stress
Majikan didakwa / dipenjara / denda / saman
Majikan hilang pekerjaan
Imej syarikat terjejas / majikan dapat malu
Keselamatan majikan terancam



TIDAK TERIMA jawapan : majikan gila, majikan bunuh diri, majikan larikan diri

这些答案不被接受，因为这是负面的。

道德的答案必须是**逻辑的，正面的及有道德的**（不伤害自己及别人的）

Sila tulis jawapan yang logik, positif dan bermoral

(c) Senaraikan dua pihak yang boleh dihubungi untuk melindungi dan memperjuangkan hak sekumpulan pekerja tersebut. [2m]

- (i) Kesatuan sekerja
- (ii) Kementerian Sumber Manusia
- (iii) Mahkamah Perusahaan / Mahkamah Buruh
Pertubuhan Buruh Antarabangsa / ILO
Pejabat Perhubungan Industri
Jabatan sumber Manusia / Bahagian Sumber Manusia

TIDAK TERIMA jawapan : pihak kerajaan, pihak polis

(d) Jika anda adalah majikan, apakah tindakan anda untuk menghentikan piket tersebut ? [2m]

Jika saya adalah majikan, saya akan.....

- (i) Berunding dengan pekerja
- (ii) Membayar gaji pekerja / memenuhi tuntutan pekerja
Meminta bantuan orang tengah
Mewujudkan hubungan yang harmonis dengan pekerja
Buang pekerja tersebut / ambil pekerja baru
Lapor polis
Meminta maaf kepada pekerja
Membuat jaminan pada siding media massa agar gaji pekerja dapat dibayar
Menubuhkan persatuan untuk menyelesaikan masalah tersebut




5. Berita berikut berkaitan dengan kes pecah amanah seorang pegawai bank.

“.....Seorang pegawai bank yang telah lama bertugas di sebuah bank di negara ini telah melarikan sejumlah wang simpanan pelanggan bank demi kepentingan diri. Laporan polis telah dibuat oleh pihak berkuasa bank pada pagi ini.....”

Sumber : Ubah suai daripada akhbar
Berita Harian, 31 Julai 2013

(a) Apakah perasaan anda apabila membaca berita di atas ?
Beri **dua** alasan.

[3m]



(b) Jelaskan **tiga** nilai yang perlu diamalkan oleh pegawai bank tersebut. [3m]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(c) Nyatakan **dua** kesan pecah amanah kepada pihak berikut ;

(i) Diri sendiri [2m]

(a) _____

(b) _____

(ii) Negara [2m]

(a) _____

(b) _____

Skema Jawapan

	Butiran		Markah
5a	Sedih / marah / geram / hampa / kecewa / semua perasaan negatif		1
	H1	Pegawai itu pecah amanah	1
	H2	hilang kepercayaan orang ramai	1
	H3	menjejaskan nama baik bank	1
	H4	majikan akan mengambil tindakan terhadapnya	1
	H5	menjejaskan nama baik diri sendiri	1
			[Mak=3m]
5b	H1	Amanah / mesti bersikap bertanggungjawab / boleh timbul keyakinan orang lain / tidak melakukan perbuatan yang pecah amanah	1
	H2	Bertanggungjawab / sanggup memikul tugas / sanggup melaksanakan tugas dengan sempurna / melakukan tugas yang diberi dengan baik	1
	H3	Rasional / boleh berfikir / boleh bertindak wajar / tidak melarikan wang	1
	H4	Mematuhi peraturan dan undang-undang / menerima undang-undang / mematuhi undang-undang / tidak melanggar undang-undang negara / melarikan wang adalah salah di sisi undang-undang	1
	H5	Harga diri / memulia maruah diri / menjaga maruah diri / perbuatan melarikan wang boleh menjejaskan imej	1
			[Mak=3m]
5(c)(i)	H1	Imej diri terjejas	1
	H2	ditangkap oleh polis	1
	H3	dipecat oleh majikan	1
			[Mak=2m]
5(c)(ii)	H1	Imej negara terjejas	1
	H2	pelabur asing tidak mahu melabur	1
	H3	pentadbiran negara terjejas	1
	H4	pembangunan negara terbantut	1
			[Mak=2m]

Contoh Esei 1 : Esei berkaitan dengan NILAI 题目直接提问道德价值观

Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957

Gambar di atas menunjukkan detik Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Setiap tahun, seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan negara dengan pelbagai aktiviti seperti mengibarkan Jalur Gemilang, perarakan dan kereta berhias.

Bincangkan nilai-nilai yang diamalkan oleh rakyat Malaysia yang menyambut Hari Kemerdekaan negara. Jawapan anda hendaklah disokong dengan penerangan dan huraian atau contoh yang sesuai. [10m]

Terima watak : Rakyat Malaysia / kami / kita / saya / mereka

Nilai	Penerangan / huraian / contoh
Cinta akan negara	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia telah menunjukkan perasaan sayang kepada negara Malaysia dengan menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia telah mengibarkan Jalur Gemilang untuk menunjukkan perasaan gembira mereka. ◆ Rakyat Malaysia harus menjaga kepentingan negara semasa Hari Kemerdekaan negara. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia menyertai perarakan Hari Kemerdekaan di bawah matahari yang terik.
Taat setia kepada raja dan negara	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia mempunyai kesetiaan kepada raja semasa menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia menunjukkan penghormatan kepada para pemimpin negara yang memperjuangkan kemerdekaan negara. ◆ Rakyat Malaysia mempunyai patuh kepada raja dan negara semasa menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia berdiri tegak semasa lagu Negaraku dinyayikan semasa menyambut Hari Kemerdekaan.
Sanggup berkorban untuk negara	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia sanggup tenaga dan masa sendiri semasa menyambut Hari Kemerdekaan negara. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia telah menyumbangkan tenaga mereka untuk menyertai perarakan dan menghias kereta berhias. ◆ Rakyat Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang di rumah kediaman mereka semasa Hari Kemerdekaan sebagai tanda mencintai negara. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia telah mengibarkan Jalur Gemilang di semua bangunan, kawasan sekolah mahupun kereta untuk menyambut Hari Kemerdekaan.

Rasional	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia mampu berfikir kebaikan mengibarkan Jalur Gemilang semasa Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia tahu semangat patriotik akan dibangkitkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang. ◆ Rakyat Malaysia telah mencurahkan tenaga semasa menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Mereka yang terlibat dalam perarakan telah berlatih bersungguh-sungguh untuk menjayakan perarakan Hari Kemerdekaan.
Bertanggung Jawab	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia telah menjalankan tugas mereka sebagai rakyat semasa menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia telah menunjukkan semangat nasionalisme yang tinggi semasa Hari Kemerdekaan. ◆ Rakyat Malaysia menunjukkan kesetiaan mereka semasa menyambut Hari Kemerdekaan negara. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia menjayakan sambutan Hari Kemerdekaan negara dengan menganjurkan pelbagai aktiviti yang boleh memupuk perasaan sayang kepada negara Malaysia.
Saling membantu dan bekerjasama	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Rakyat Malaysia melakukan usaha yang baik dan mulia semasa menyambut Hari Kemerdekaan. <ul style="list-style-type: none"> ■ Rakyat Malaysia telah saling membantu antara satu sama lain semasa persediaan menyambut Hari Kemerdekaan. ◆ Persediaan sambutan Hari Kemerdekaan negara telah dilakukan bersama-sama rakyat Malaysia. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rakyat Malaysia menjayakan sambutan Hari Kemerdekaan bersama-sama tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Rakyat Malaysia mengamalkan nilai **cinta akan negara**. Rakyat Malaysia telah menunjukkan **perasaan sayang kepada negara** Malaysia dengan menyambut Hari Kemerdekaan. Rakyat Malaysia telah mengibarkan Jalur Gemilang untuk menunjukkan perasaan gembira mereka. Rakyat Malaysia harus **menjaga kepentingan negara** semasa Hari Kemerdekaan negara. Rakyat Malaysia menyertai perarakan Hari Kemerdekaan di bawah matahari yang terik. Rakyat Malaysia mengamalkan nilai **rasional**. Rakyat Malaysia **mampu berfikir** kebaikan mengibarkan Jalur Gemilang semasa Hari Kemerdekaan. Rakyat Malaysia tahu semangat patriotik akan dibangkitkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Rakyat Malaysia telah **mencurahkan tenaga** semasa menyambut Hari Kemerdekaan. Mereka yang terlibat dalam perarakan telah berlatih bersungguh-sungguh untuk menjayakan perarakan Hari Kemerdekaan. Rakyat Malaysia mengamalkan nilai **saling membantu dan bekerjasama**. Rakyat Malaysia melakukan **usaha yang baik dan mulia** semasa menyambut Hari Kemerdekaan. Rakyat Malaysia telah saling membantu antara satu sama lain semasa persediaan menyambut Hari Kemerdekaan. Persediaan sambutan Hari Kemerdekaan negara telah **dilakukan bersama-sama** rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia menjayakan sambutan Hari Kemerdekaan bersama-sama tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Contoh esei 2 : Esei TIDAK tanya tentang NILAI tetapi tanya tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran, pendapat.....题目没有提问道德价值观，但是提问关于解决方法，后果，重要性，启示，意见等

Gambar berikut menunjukkan seluruh warga sekolah telah menjalankan Gotong Royong Perdana.



Terangkan kepentingan gotong royong tersebut ? [10 markah]

Butiran		Markah
F1	• Kepentingan gotong royong ialah dapat menjaga kebersihan sekolah	1
H1	▪ Kawasan yang kotor dapat dibersihkan	1
F2	• Dapat membasmikan nyamuk Aedes	1
H2	▪ Kawasan takungan air dapat dimusnahkan	1
H2	▪ nyamuk Aedes tidak dapat membiak di kawasan air takungan	1
F3	• Dapat menceriakan kawasan sekolah	1
H3	▪ Pokok bunga dapat dijaga dengan baik	1
H3	▪ pokok bunga dapat tumbuh dengan subur / cantik	1
H3	▪ kawasan rumput dapat dicantas	1
F4	• Dapat meningkatkan imej sekolah	1
H4	▪ Kekotoran akan menjejaskan pandangan orang luar terhadap sekolah	1
H4	▪ sekolah bersih dapat menarik perhatian orang ramai	1
H4	▪ kebersihan boleh menghilangkan tekanan guru / murid.	1
F5	• Dapat memupuk sikap bekerjasama	1
H5	▪ Murid diberi tugas mengikut kumpulan	1
H5	▪ masing-masing menjalankan tugas yang diberi	1
H5	▪ semua kawasan sekolah dapat dibersihkan mengikut kumpulan yang ditetapkan	1
F6	• Dapat mewujudkan suasana belajar yang selesa / selamat	1
H6	▪ Kawasan yang bersih dapat memberi pandangan yang selesa	1
H6	▪ udara segar dapat dibekalkan	1
H6	▪ tidak ada ancaman nyamuk / tikus / ular / lalat / bau yang kurang menyenangkan	1
F7	• Dapat mengeratkan hubungan baik antara guru dan murid semasa menjalankan gotong royong	1
H7	▪ Perbincangan diadakan di antara guru dengan pelajar sebelum bergotong-royong	1
H7	▪ Guru dapat memberikan tugas dengan penuh kepercayaan	1
H7	▪ Murid dapat melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab	1
		[Mak=10m]

Calon boleh memasukkan NILAI yang bersesuaian dengan kehendak soalan ini. Contohnya nilai-nilai BP3 : ALAM SEKITAR, Rasional.....这作文题目没有提问道德价值观，但是同学们可以写 5 个适合的道德价值观。例如跟环境有关的道德价值观。

Contoh esei 3 : Esei membuat keputusan antara 2 pilihan 两个选一个

Dialog berikut tentang dilema lepasan SPM untuk melanjutkan pelajarannya.

Kumar : Saya dapat dua tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke United Kingdom dan Universiti Malaya.
 Kim Seng : Tahniah ! Saya harap awak dapat buat pilihan yang tepat.

Sekiranya anda ialah Kumar, apakah tindakan anda ? Berikan alasan anda.

[10 markah]

Terima watak : Saya

Butiran	Markah
F1 Saya menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya.	1
H1 • Nilai Cinta akan negara	1
H2 • Saya sayang dan bangga kepada negara dengan melanjutkan pelajaran di UM / meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri dalam membuat pemilihan tempat melanjutkan pelajarannya.	
• Saya yakin dengan keupayaan IPTA di Malaysia	
H3 • Keupayaan IPTA di Malaysia boleh setanding dunia	1
H4 • Malaysia sudah menjadi pusat Pendidikan Antarabangsa	1
H5 • Saya sanggup menerima tawaran melanjutkan pelajaran di UM demi meningkatkan imej IPTA	1
H6 • Nilai Rasional	
H7 • Saya boleh berfikir kebaikan / kelebihan melanjutkan pelajaran di UM /	1
H8 dapat bertindak wajar dalam membuat pemilihan tempat untuk melanjutkan pelajarannya	1
H9 • Boleh mengurangkan aliran wang ke luar negara	1
H10 • kos yuran pengajian lebih murah	1
H11 • dapat sentiasa berjumpa dengan ahli keluarga / boleh berjumpa dengan ahli keluarga dengan mudah	1
H12 • dapat balik ke rumah / kampung dengan senang dan cepat	1
H13 • tidak ada masalah perbezaan budaya hidup	1
H14 • boleh bertutur bahasa Malaysia / bahasa ibunda di negara sendiri / tidak ada masalah berkomunikasi dalam bahasa asing	1
H15 • tidak menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri semasa perubahan musim	1
H16 • kurang menghadapi tekanan merindui negara Malaysia dan ahli keluarga	1
	[Mak=10m]

ATAU

Butiran		Markah
F1	Saya menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke United Kingdom.	1
H1	• Nilai rasional	1
H2	• Saya boleh berfikir kebaikan / kelebihan melanjutkan pelajaran di UK / dapat bertindak wajar apabila diberi pilihan untuk melanjutkan pelajaran	
H3	• Saya dapat mempelajari kemahiran / kepakaran yang lebih mendalam	1
H4	• Saya boleh meluaskan pengalaman / pengetahuan di negara luar	1
H5	• Saya memilih UK supaya dapat membawa balik kemahiran / kepakaran yang dipelajari bagi membangunkan negara kelak.	1
H6	• Nilai Berdikari	1
H7	• Saya sanggup dan boleh melakukan sesuatu dalam membuat pemilihan tempat melanjutkan pelajarannya / memilih untuk melanjutkan pelajaran ke UK tanpa bergantung kepada orang lain	1
H8	• Saya rela ke UK untuk belajar walaupun terpaksa berjauhan dengan ahli keluarganya.	1
H9	• Saya bersedia hidup di perantauan tanpa bantuan keluarga bagi menimba ilmu	1
H10	• Saya sanggup menghadapi cabaran / dugaan hidup dengan sendiri	1
		[Mak=10m]

Jika saya ialah Kumar, Saya menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya. Hal ini kerana saya sayang dan bangga kepada negara dengan melanjutkan pelajaran di UM. Saya yakin dengan keupayaan IPTA di Malaysia. Selain itu, keupayaan IPTA di Malaysia boleh setanding dunia. Malaysia juga sudah menjadi pusat Pendidikan Antarabangsa.

Saya sanggup menerima tawaran melanjutkan pelajaran di UM demi meningkatkan imej IPTA di Malaysia. Saya juga boleh berfikir kebaikan melanjutkan pelajaran di UM. Jika saya belajar di UM, saya boleh mengurangkan aliran wang ke luar negara. Tambahan pula, kos yuran pengajian di UM lebih murah jika dibandingkan dengan negara luar.

Jika saya belajar di UM, saya dapat sentiasa berjumpa dengan ahli keluarga. Hal ini kerana saya dapat balik ke rumah atau kampung saya dengan senang dan cepat.

Jika saya belajar di UM, saya tidak menghadapi masalah perbezaan budaya hidup. Saya masih berada di Malaysia, saya boleh bertutur bahasa Malaysia dan bahasa ibunda di negara sendiri. Saya juga tidak menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri semasa perubahan musim kerana di Malaysia hanya ada satu musim sahaja iaitu panas dan lembap sepanjang tahun. Saya juga kurang menghadapi tekanan merindui negara Malaysia dan ahli keluarga jika saya belajar di UM.

Contoh esei 4 : Esei membuat keputusan : wajar @ tidak wajar / setuju @ tidak setuju

題目要同学们做决定：应该@不应该，赞成@不赞成

Petikan akhbar berikut berkaitan dengan satu kes yang berlaku di negara kita.

Seorang kanak-kanak yang berusia 5 tahun telah didera oleh ayah kandung sehingga tulang kaki patah. Punca penderaan adalah kerana pergaduhan suami isteri. Mangsa kini dirawat di hospital dan akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat apabila sudah sembuh nanti.

Sumber : Ubah suai daripada akhbar
Berita Harian, 02 Januari 2014

Wajarkah tindakan ayah tersebut ?
Huraikan tiga alasan anda.

[10 markah]

Butiran		Markah
F1	Tidak wajar / tidak betul	1
H1	• Ayah perlu mengamalkan nilai-nilai murni terhadap keluarga	1
H2	• Nilai Kasih sayang terhadap keluarga	1
H3	• Ayah menjaga kebajikan mereka	
H4	• Contoh : sentiasa menyayangi anak	1
H5	• Nilai Tanggungjawab terhadap keluarga	1
H6	• Ayah menjalankan kewajipan ibu bapa dalam menjaga dan memelihara anak	1
H7	• Contohnya : menyediakan makan / minum / perlindungan yang cukup / tempat tinggal selesa kepada anak	1
H8	• Nilai Bertanggungjawab	1
H9	• Contoh : tidak melakukan perkara mencemar nama baik keluarga / tidak mendera anak / menganiaya anak	1
H10	• Nilai Hormat dan taat kepada anggota keluarga	1
H11	• Ayah memberi layanan sopan terhadap anak	1
H12	• Contoh : tidak bercakap kasar dengan anak / menengking anak	1
H13	• Nilai Rasional	1
H14	• Ayah menjaga tutur kata / keselamatan anak	1
H15	• Contoh : membawa anak berjumpa doktor apabila dia sakit	
H16	• Ayah Mendengar keperluan / kehendak anak	1
H17	• Ayah Perlu menjaga dan membesarkan anak	1
H18	• Anak adalah anugerah Tuhan	1
H19	• Perbuatan mencederakan / mendera anak adalah berdosa / perbuatan salah dari segi agama	1
H20	• Salah dari segi undang-undang	
H21	• Ayah boleh dikenakan hukuman	1
H22	• Konflik dalam keluarga boleh diselesaikan menerusi perbincangan	1
H23	• Menjejaskan kehidupan masa depan anak	1
H24	• Menjejaskan imej diri	1
ATAU		
F2	• Wajar / betul / boleh / patut	1
H26	• Ayah telah menghadapi sakit mental / pengaruh dadah / alkohol / mabuk	1
		[Mak=2m]

Makluman penting

- 1 **Esei tanya tentang NILAI**
 - Jika esei tanya tentang nilai, semasa membaca, catatkan nilai yang bersesuaian untuk soalan tersebut. Calon boleh nyatakan 2-3 nilai dan menghuraikan 7-8 ayat huraian untuk dapat 10 markah.
 - Jawapan calon ialah **3 nilai + 7 huraian / 2 nilai + 8 huraian**.
 - **Calon digalakkan menulis huraian lebih dari 10 ayat. Calon boleh tulis seberapa banyak huraian.**

- 2 **Esei TIDAK tanya tentang NILAI tetapi tanya tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran, pendapat.....**
 - Calon harus menerangkan tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran serta pendapat dan membuat huraian lanjut untuk idea / isi utama yang telah dinyatakan.
 - **Jawapan calon ialah 2-3 idea utama dan menghuraikan 7-8 ayat huraian** untuk dapat 10 markah.
 - Calon boleh berikan jawapan lebih dari 10 ayat. **Calon boleh tulis seberapa banyak idea dan huraian.**
 - Calon boleh menjawab dengan mengemukakan jawapan logik dan munasabah.
 - Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian.

- 3 **Esei membuat keputusan**
 - Jika soalan meminta **membuat keputusan** dan **minta alasan bagi keputusan** yang dibuat, maka calon **mesti menjawab / menyatakan keputusan dahulu, baru berikan alasan**.
 - Setiap alasan mesti disertai dengan 2 huraian. **1 keputusan + 3 alasan + 6 huraian = 10 markah**. Calon boleh beri jawapan lebihan.
 - Calon mesti **menyatakan pendirian dahulu**. Selepas itu, calon perlu mengemukakan alasan bagi menyokong pendirian yang dinyatakan.
 - Alasan boleh terdiri daripada **jawapan nilai yang sesuai atau mana-mana jawapan yang calon fikir sesuai** seperti menjawab soalan Bahasa Melayu.
 - Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian.

4. **Bagi esei yang meminta calon menyatakan keputusan / pendirian iaitu contoh soalan esei 3 & 4, calon perlu **memegang teguh pendirian / keputusan yang telah dibuat dari awal hingga akhir**. Calon tidak boleh tukar pendirian di separuh jalan, hal ini akan mengakibatkan calon dapat 0 markah.**
 - **Jawapan mesti pegang hanya SATU sahaja pendirian.** 只可以做出 1 个最终的决定。
 - **TIDAK BOLEH atas pagar.** 不可以 3 心 2 意。

5. Bagi soalan esei, calon boleh menulis seberapa banyak jawapan yang hendak ditulis sehingga penuh ruang tulis yang disediakan.
Kertas jawapan tambahan selain dari ruang tulis kertas peperiksaan tidak akan disemak.

祝愿：成功!!!

PROGRAM HALUS PENDIDIKAN MORAL SPM TAHUN 2020

Bil	Nilai 道德价值观	Kata kunci 重要字眼 / 解说	Digunakan di soalan 用处
1	Rasional 理智	Boleh berfikir dan mengambil tindakan yang wajar 可以思考及做正确的行动	所有的题目都可以用这个答案 nilai ini digunakan untuk semua soalan
2	Bertanggungjawab 负责任	Kesanggupan memikul tugas dan melaksanakan tugas 能够扛起及执行任务	用在学生, 父母, 政府官员 Digunakan untuk pelajar, ibu bapa, polis, pegawai kerajaan
3	Toleransi 互相忍让/容忍	sanggup bertolak ansur, sabar dan mengawal diri 能够协商, 忍耐及控制自己	用在民族, 同学, 家人之间 Untuk hubungan antara kaum / bangsa, rakan, ahli keluarga
4	Harga Diri 自尊	Keupayaan memulia dan menjaga maruah diri. 能够让自己高尚及照顾自己的尊严	用在自己身上 (荣誉, 丢脸的事件) Untuk kejayaan yang dicapai seseorang / perkara yang memalukan
5	Kasih Sayang 仁爱	Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan. 敏感和深切及永恒的爱	用在关爱家人及关心社会问题 Untuk menyayangi ahli keluarga / Prihatin terhadap masalah / gejala sosial
6	Kerajinan 勤勉	Usaha yang berterusan dengan semangat ketekunan. 勤奋及持续的努力	用在一个人得到成功, 或是要成功 Untuk kejayaan seseorang / seseorang yang ingin berjaya
7	Menyayangi Dan Menghargai Alam Sekitar 爱护及珍惜大自然	Kesedaran perlu memelihara dan memulihara alam sekeliling. 保护及还原环境的醒觉	用在大自然, 如森林, 河流, 海洋, 空气污染, 破坏环境, 环保等。 Untuk alam semulajadi, seperti hutan, sungai, laut, pencemaran udara, kerosakan alam sekitar, kitar semula.
8	Peka Terhadap Isu-isu Alam Sekitar 关注环境课题	Prihatin terhadap masalah alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya 关注环境问题及努力解决	
9	Cinta Akan Negara 热爱国家	Perasaan sayang dan bangga kepada negara 对国家的爱与光荣	对国家的爱护, 如国庆日, 战士为国牺牲, 领袖为国付出。 Untuk perasaan cinta /sayang kepada Negara. Contohnya hari kebangsaan, pengorbanan pahlawan negara, pemimpin negara

10	Mematuhi Peraturan Dan Undang-undang 遵守规则及法律	Menerima dan mematuhi undang-undang 接受及遵守法律	用在违反国家法律的题目上，如贪污，飙车，破坏国家安宁，走私，侵犯他人等。 Untuk perkara-perkara yang melanggar undang-undang seperti rasuah, lumba haram, menimbulkan huru hara Negara, penyeludupan, pencerobohan.
11	Hidup Bersama Secara Aman 和平共处	Hidup berbaik-baik dan mengutamakan kedamaian 好好生活及重视和平	用在民族，国家，国与国之间 Untuk hubungan antara kaum / bangsa, negara kita, antara negara
12	Saling Membantu Dan Bekerjasama 互相合作	Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama-sama 一起进行建设性及美好的努力	用在人与人，国与国之间互相合作，如花园大扫除，解决犯罪行为 Untuk kerjasama antara satu sama lain, antara negara dengan negara.
13	Saling Menghormati Antara Negara 国与国之间互相尊重	Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara 珍惜及尊敬国与国之间的关系	用在国与国之间互相尊重/ 国与国之间互相合作（解决国际罪案如贩卖人口，走私，贩毒，军火等） Untuk saling menghormati antara Negara / Kerjasama antara Negara dalam menyelesaikan jenayah antarabangsa seperti pemerdagangan manusia, penyeludupan, pengedaran dadah, senjata api)

Contoh soalan pengetahuan am 常识问题的例子。

1	membuat pendirian 表明立场 / membuat keputusan 做出决定 : <ul style="list-style-type: none"> • Setujukah anda? 是否同意?→→→(Setuju 同意/ Tidak setuju 不同意) • Wajarkah? 是否应该?→→→(Wajar 应该/ Tidak wajar 不应该) • Perasaan anda / Apakah ekspresi perasaan anda ? 你的感受 →→→ (sedih 伤心 / gembira 高兴) • Apakah pandangan / pendapat anda ? →→→ Menyokong 支持/membangkang 反对 →→→menjatuhkan hukuman yang berat 加重刑罚 / meringankan hukuman 减轻刑罚
2	faktor / punca / sebab 原因 / kenapa / mengapa 为什么 ?
3	kesan / akibat / implikasi / impak 后果
4	strategi / usaha / tindakan / peranan / langkah / cara 方法 / bagaimana 怎么样/如何?
5	kepentingan / manfaat / faedah / kebaikan 好处
6	Keburukan / kesan buruk 坏处
7	memberi pendapat / pandangan / idea 给意见
8	pengajaran / iktibar / teladan /contoh 得到的启发/学习到什么
9	ramalkan 预测
10	cadangan / cadangkan 建议
11	Membuat rumusan / kesimpulan 做出结论
12	Menangani / menyelesaikan / membanteras / mengatasi masalah... 解决问题
13	Mengelakkan 避免
14	Mendorong / menggalakkan 促进 / 鼓励
15	Mengeratkan hubungan 使关系更加好
16	Merenggangkan hubungan 关系疏离 / 关系不好
17	Meningkatkan kesedaran 提高醒觉
18	Jika / kalau / jikalau 如果
19	Terjejas 受损 terpengaruh 受影响
20	Masalah 问题
21	Berikan alasan anda ? 请给你的理由/原因

Contoh soalan berasaskan pengetahuan am dan jawapan cadangan.

其他常识问题及答案

<p><u>Faktor remaja terlibat dalam jenayah</u> 青少年牵涉罪案的原因 <u>Kenapa remaja terlibat dalam jenayah</u> 为什么青少年涉案?</p> <p>i) pengaruh kawan ii) kurang didikan agama dan moral iii) kurang prihatin ibu bapa iv) pengaruh media massa</p>	<p><u>Kesan positif / (negatif) kepada negara</u> 对国家正面/(负面)的后果</p> <p>i) negara aman / (tidak aman) ii) negara maju / (tidak maju) iii) ekonomi naik / (turun) iv) imej negara baik / (tidak baik)</p>
<p><u>Cara mengatasi / menyelesaikan masalah jenayah</u> 解决罪案的方法 <u>Bagaimana masalah jenayah dapat ditangani</u> 如何解决罪案?</p> <p><u>Kerajaan</u> 政府</p> <p>i) menguatkuasakan undang-undang tentang jenayah ii) memberi hukuman berat iii) mengadakan kempen kesedaran tentang jenayah</p> <p><u>Masyarakat / Anda / Rakyat</u> 社会/你/人民</p> <p>i) menyertai kempen kesedaran..... ii) melapor polis..... iii) mematuhi undang-undang..... iv) memberi nasihat</p>	<p><u>tanggungjawab anak terhadap ibu bapa</u> 孩子对父母的责任</p> <p>i) menyediakan makanan sihat untuk mereka iv) memberi wang v) membawa mereka ke hospital jika sakit iv) sentiasa berada di sisi mereka v) membawa mereka makan angin vi) sentiasa balik rumah ibu bapa vii) prihatin mereka</p>
<p><u>Cara / bagaimana remaja mengelakkan diri terlibat dalam jenayah/gejala negatif</u> 避免青少年牵涉罪案的方法</p> <p>i) berpegang teguh kepada agama ii) bijak memilih kawan iii) dengar nasihat ibu bapa iv) mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah v) bincang masalah dengan ibu bapa</p>	<p><u>tanggungjawab ibu bapa terhadap anak / jasa ibu bapa / pengorbanan ibu bapa kepada anak</u> 父母对孩子的责任 / 父母的恩德 / 父母对孩子的牺牲</p> <p>i) memberi kasih sayang ii) memberi didikan agama iii) menjaga keselamatan anak iv) meluangkan masa bersama anak v) berbincang masalah dengan anak vi) menyediakan keperluan asas anak vii) memantau pelajaran anak</p>